

18/06/2003

'Umno bukan litar lumba' (HL)

Manja Ismail

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang bakal mengambilalih kepemimpinan Umno Oktober ini menegaskan, parti itu bukannya gelanggang berebut kuasa sehingga jawatan menjadi kiblat perjuangan.

Timbalan Presiden Umno itu berkata, Umno ditubuh untuk menyatukan Melayu

serta membela dan memperjuangkan nasib bangsa, bukannya gelanggang 'litar

lumba' untuk berebut kuasa.

Berucap merasmikan perhimpunan agung pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra malam tadi, Abdullah berkata beliau berkongsi kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa rebutan kuasa boleh menghancurkan kuasa politik Melayu.

Beliau berkata, perebutan jawatan sering kali menghalalkan cara yang bukan saja menyebabkan keruntuhan nilai, sehingga kawan menjadi lawan, malah sanggup meretakkan perpaduan di dalam parti dan sesama bangsa.

Malah, perebutan jawatan juga menyebabkan sokongan kepada individu lebih

diutamakan daripada sokongan kepada parti dan survival individu lebih dipentingkan daripada survival bangsa.

"Pertandingan dilihat sebagai peluang mendapat keuntungan diri. Nama baik pemimpin sanggup dihitamkan kerana terpengaruh dengan ganjaran upah.

Kuasa undi dinilai dengan ringgit.

"Ingatlah calon yang membayar upah telah juga mengambil upah lebih besar

dari pihak lain. Calon yang mempengaruhi perwakilan untuk menjual maruah

telah lebih dulu hilang maruahnya sendiri," katanya disambut tepukan gemuruh perwakilan.

Perhimpunan agung tahunan pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri diadakan

sehari hari ini. Selain ketiga-tiga ketua sayap Umno itu, hadir sama malam

tadi ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; tiga naib Presiden Umno - Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad

Muhd Taib serta ahli-ahli Majlis Tertinggi.

Ucapan Abdullah selama kira-kira sejam bertemakan 'Mengurus Kejayaan' itu dilihat sebagai hala tuju kepemimpinan beliau apabila mengambil alih kepemimpinan parti dan negara daripada Dr Mahathir Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri bimbang betapa kejayaan telah merosakkan pemikiran Melayu sehingga mereka menganggap mereka sudah selamat dan boleh

berbuat apa saja.

Katanya, semangat kebangsaan orang Melayu kini luntur dan kemampuan mereka menghadapi cabaran sudah menurun. Kerana perpecahan, kuasa politik

semakin susut. Orang Melayu mencari perlindungan daripada kuasa politik,

tetapi kerana perpecahan, kuasa politik Melayu mungkin tidak sekuat dulu.

Beliau menegaskan, jika gejala itu tidak dibendung secara tegas dan tidak dicegah dengan berani, satu hari nanti kuasa Umno, sekal igus kuasa politik Melayu, boleh luput.

Sehubungan itu, beliau memberi amaran, jika Umno hilang kuasa politik, masyarakat Melayu tidak mempunyai alternatif baik yang dapat menggantikan

peranan Umno, dari segi pengalaman dan kematangan, memimpin sebuah kerajaan yang mendapat keyakinan rakyat pelbagai kaum, pelbagai agama, pelbagai budaya dan pelbagai bahasa.

Abdullah berkata, melaksanakan secara efektif formula perimbangan kuasa pentadbiran bukan boleh dicuba-cuba. Negara menghadapi risiko besar jika mahu dijadikan satu makmal politik untuk membuat eksperimen formula kimia politik yang baru.

"Ujian asid sedemikian mungkin membawa kepada satu `explosion', satu ledakan politik yang boleh membawa kemusnahan. Sebarang kekacauan yang berlaku di bumi ini akan hanya membuka pintu, memberikan justifikasi, membolehkan campur tangan kuasa asing yang sedang bernafsu ghairah, bagai

helang yang cepat mahu menyambar mangsa, maka direbut kesempatan untuk campur tangan dalam urusan negara lain," katanya.

Timbalan Presiden Umno berkata, orang Melayu bukan saja belum cukup kuat, malah jumlahnya juga tidak terlalu ramai.

Melayu juga belum berada di depan dan belum pun setanding dengan kaum lain dari segi penguasaan ilmu, perniagaan, perdagangan dan ekonomi.

Justeru, beliau mengingatkan ahli Umno jangan leka semata-mata kerana kepimpinan kerajaan dan perkhidmatan awam dikuasai oleh Melayu.